

PELAPORAN BERITA EKONOMI DI AKHBAR BAHASA MELAYU KETIKA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN FASA 1: SATU ANALISIS KANDUNGAN

Mohammad Noorizzuddin Noohⁱ

ⁱ (Penulis Koresponden) Pensyarah, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). noorizzuddin@usim.edu.my.

Abstrak

Penyampaian berita memainkan peranan yang penting dalam masyarakat terutama ketika berlakunya sesuatu krisis. Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah menyebabkan berlakunya perubahan lanskap dalam kita menjalankan kehidupan seharian sehinggakan ianya digelar sebagai norma baharu. Akhbar memainkan peranan yang penting dalam penyampaian berita kepada khalayak masyarakat dengan menetapkan nada berita yang ingin disampaikan ketika berlakunya sesuatu krisis. Kertas ini bertujuan untuk mengupas tema-tema utama berkaitan ekonomi yang disiarkan di akhbar-akhbar utama Bahasa Malaysia di sepanjang Fasa 1 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berlangsung dari 18 sehingga 31 Mac 2020. Pendekatan analisis kandungan telah digunakan untuk mendapatkan tema-tema utama berita berkaitan kepenggunaan yang disiarkan di sepanjang tempoh 2 minggu tersebut. Dapatan telah menunjukkan bahawa tema-tema utama untuk isu tersebut berkisar mengenai tanggungjawab kerajaan dalam memastikan bekalan barangan asas mencukupi. Selain itu tema-tema utama yang berkisar mengenai peranan kerajaan dalam merangsang ekonomi dengan memperkenalkan bantuan-bantuan umum dan khas untuk rakyat serta penerangan mengenai prosedur sektor ekonomi untuk beroperasi juga menjadi keutamaan untuk disiarkan di akhbar-akhbar utama Bahasa Malaysia. Secara kesimpulan, nada yang ingin disampaikan oleh kedua-dua akhbar ini adalah bersifat positif yang memperlihatkan usaha kerajaan dalam memberi penerangan kepada rakyat mengenai perubahan norma kehidupan di samping memperkenalkan bantuan-bantuan yang akan diberikan oleh kerajaan disebabkan berlakunya Pandemik COVID-19 ini.

Kata Kunci: COVID-19; Ekonomi; Berita; Akhbar; Analisis Kandungan

PENGENALAN

Pandemik COVID-19 telah menzahirkan kesan yang belum pernah terjadi sebelumnya kepada seluruh dunia. Ini adalah satu peristiwa besar yang berlaku yang memerlukan penilaian dan tindak balas yang pantas. Banyak negara telah membuat keputusan yang sukar untuk 'menutup' negara mereka untuk mengekang penularan wabak ini. Malaysia adalah antara negara pertama yang melaksanakan Perintah Kawalan Gerakan atau Sekatan di Asia Tenggara berikutan krisis wabak COVID-19 yang semakin meruncing. Wabak Coronavirus (COVID-19) adalah penyakit berjangkit yang boleh menyebabkan penyakit pernafasan, seperti selesema dengan gejala batuk, demam dan kesukaran bernafas yang boleh menyebabkan kematian. Sebagai langkah untuk membendung wabak ini, Perdana Menteri Malaysia telah

mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1 pada 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020. Perintah ini adalah berdasarkan pada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 (Majlis Keselamatan Negara, 2020)

Pada 25 Mac 2020, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilanjutkan sehingga 14 April 2020 (Fasa 2) dan pada 10 April 2020, sekali lagi PKP telah dilanjutkan tempohnya sehingga 28 April 2020 (Fasa 3). Seterusnya pada 23 April 2020, Perdana Menteri mengumumkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 4 akan dilanjutkan sehingga 3 Mei 2020.

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat mula diperkenalkan pada 4 Mei 2020 dengan objektif utamanya adalah untuk membuka kembali ekonomi nasional secara berstruktur dan ini membolehkan pengoperasian semula beberapa sektor ekonomi, tetapi harus mengikuti peraturan dan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan. Pada 7 Jun 2020, Perdana Menteri mengisytiharkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akan berakhir pada 9 Jun dan digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang berkuat kuasa dari 10 Jun hingga 31 Ogos 2020 dan pada 28 Ogos 2020 Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) telah diumumkan akan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020. Pemantauan dilakukan dari semasa ke semasa untuk memastikan agar masyarakat dapat mematuhi SOP dalam norma baharu agar dapat diputuskan rantai penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Kebanyakan kajian berkenaan media yang dilaksanakan ketika pandemik COVID-19 berkisar mengenai isu penyebaran berita palsu. Md Saiful Islam et. al. (2020) telah menjalankan kajian berkenaan 2,311 berita mengenai khabar angin, stigma dan teori konspirasi di 87 negara dan mendapati kebanyakan berita palsu tersebut berkisar mengenai kaedah jangkitan penyakit dan juga kadar kematian. Selain itu, kewujudan berita yang mengelirukan juga telah mempengaruhi kesihatan mental pelancong dari China (Zheng, Goh, & Wen, 2020). Kajian yang dilaksanakan oleh Brennen et. al. (2020) telah mendapati bahawa 59% daripada maklumat yang tidak tepat di dalam berita adalah berita yang telah diolah semula dari berita asal manakala 38% daripadanya adalah berita yang dicipta sendiri.

Kajian-kajian media massa yang lain daripada Shelby et. al. (2020), Aslam et. al. (2020), dan Jurkowitz (2020) berkisar mengenai sentimen yang dimainkan oleh akhbar dan televisyen berkenaan isu COVID-19 pada suku pertama tahun 2020. Kriteria seperti ketakutan, kepercayaan, kesedihan dan marah banyak mempengaruhi sentimen pembaca terhadap berita yang disiarkan ketika pandemik COVID-19. Satu kajian berkenaan Surat kepada Pengarang telah dijalankan ke atas akhbar The Star Online oleh Siti Aesiha dan Syamimi telah mendapati bahawa surat yang merujuk

kepada pandemik COVID-19 memiliki konotasi yang negatif serta sarat dengan emosi (Joharry & Turiman, 2020). Satu kajian mengenai kepenggunaan telah dijalankan oleh S.M. Yasir Arafat et. al. (2020) mendapati bahawa kebanyakan laporan pembelian panik yang membincangkan mengenai sebab dan impak berlaku di negara membangun.

Artikel ini bertujuan untuk mengupas tema-tema utama berkaitan ekonomi yang disiarkan di akhbar-akhbar utama Bahasa Malaysia di sepanjang Fasa 1 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berlangsung dari 18 sehingga 31 Mac 2020.

METODOLOGI KAJIAN

Berita mengenai ekonomi yang dikaji adalah berdasarkan berita yang telah disiarkan dalam media cetak utama Bahasa Malaysia iaitu akhbar Berita Harian dan Harian Metro. Menurut NSTP, jumlah pembaca Harian Metro telah meningkat sehingga mencecah kepada angka 3 juta pada tahun 2019 berbanding 106,000 orang pada tahun 1993 (NSTP, 2020). Akhbar ini adalah merupakan tabloid Bahasa Malaysia yang paling laris di pasaran. Khalayak pembaca bagi Harian Metro adalah mereka yang berumur antara 18 – 35 tahun manakala untuk Berita Harian adalah untuk mereka yang berumur 35 tahun ke atas (Prima, 2020). Untuk kajian ini, penulis merasakan kriteria spektrum khalayak pembaca telah dipenuhi kerana kedua-dua akhbar Bahasa Malaysia ini mempunyai khalayak pembaca bermula dari 18 tahun ke atas yang merangkumi golongan belia dan golongan dewasa.

Kaedah yang telah digunakan oleh penulis ialah kaedah analisa kandungan. Kaedah ini dipilih atas kesesuaian dengan bentuk kajian yang dijalankan. Berita yang dianalisa adalah berita bercetak dan bukannya berita yang bercorak digital. Berita-berita bercetak ini dikumpulkan secara fizikal dari tarikh 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020. Ini adalah bersesuaian dan berpadanan dengan tarikh Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1 yang dilaksanakan di seluruh Malaysia selama 2 minggu pada ketika itu. Berita-berita ini diambil hanya dari ruangan berita tempatan dan nasional tidak termasuk ruangan bisnes.

Kaedah analisa akan dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, berita-berita dari akhbar Harian Metro dan Berita Harian diasingkan mengikut tajuk, isu dan tema di bawah isu iaitu ekonomi. Kedua, pengiraan frekuensi dilaksanakan bagi gabungan tema yang terhasil dan pengiraan kumulatif peratusan akan dibuat atas tema yang terhasil.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 menunjukkan kekerapan dan kumulatif peratusan untuk berita berkaitan ekonomi yang disiarkan di akhbar Berita Harian dan Harian Metro bagi tempoh 18 – 31 Mac 2020. Secara keseluruhan, sejumlah 31 berita berkaitan ekonomi disiarkan di kedua-dua akhbar tersebut ketika Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1 sedang berlangsung. Tema-tema berita dengan kekerapan tertinggi berkisar tentang isu inisiatif kerajaan dalam membantu kelangsungan ekonomi Malaysia serta penerangan mengenai waktu operasi premis perniagaan ketika tempoh Fasa 1 PKP. Kedua-dua aspek ini dapat melancarkan pergerakan ekonomi dalam keadaan ketidaktenuan yang disebabkan oleh Pandemik COVID-19 ini. Dalam masa Fasa 1 PKP, kedua-dua tema ini telah disiarkan sebanyak 6 kali bagi setiap tema. Selain itu, tema yang mempunyai kekerapan sebanyak 5 kali disiarkan dalam jangkamasa 2 minggu pertama PKP berkisar secara khusus mengenai peruntukan dari kerajaan untuk rakyat. Selain itu tema mengenai kesan PKP yang telah menyebabkan beberapa sektor ekonomi terjejas atas faktor keterbatasan perjalanan fizikal telah disiarkan sebanyak 3 kali sama seperti berita mengenai usaha dan keperihatinan kerajaan dalam memerangi wabak tersebut. Selain itu berita yang bertemakan penerangan mengenai jenis-jenis perniagaan yang tidak dibenarkan beroperasi ketika Fasa 1 PKP telah disiarkan sebanyak 2 kali. Tema-tema seperti peningkatan kos sara hidup, keutamaan penjualan tunai berbanding jualan kredit, penggalakan penggunaan perkhidmatan atas talian dalam memudahkan urusan, kepentingan industri makanan berbanding industri lain ketika PKP, kesan terhadap sektor pelancongan dan kes kehilangan punca pendapatan disebabkan PKP adalah antara tema lain yang timbul dari berita berkenaan ekonomi dengan kekerapan 1 bagi setiap tema.

Jadual 1: Kekerapan Dan Peratusan (Ekonomi)

TEMA	KEKERAPAN	PERATUS
Kerajaan memberi inisiatif untuk membantu ekonomi Malaysia	6	19.35%
Kebenaran untuk beroperasi tetapi perlu mematuhi waktu dan syarat yang ditentukan	6	19.35%
Peruntukan dari kerajaan mengurangkan beban rakyat	5	16.13%
Kesan PKP menyebabkan sektor ekonomi terjejas dan tidak mendapat sambutan ramai	3	9.68%
Kerajaan prihatin dan bersungguh mengawal penularan wabak	3	9.68%

Pasar yang tidak mempunyai bangunan kekal seperti pasar malam tidak dibenarkan untuk beroperasi	2	6.45%
Peningkatan kos sara hidup	1	3.23%
Keutamaan penjualan tunai berbanding penjualan kredit	1	3.23%
Menggalakkan perkhidmatan atas talian untuk memudahkan urusan	1	3.23%
Sektor makanan menjadi kepentingan dari sektor yang lain	1	3.23%
Sektor pelancongan turut terkesan	1	3.23%
Hilang pendapatan sewaktu PKP dijalankan	1	3.23%
	31	100%

KESIMPULAN

Dalam ketidaktentuan ekonomi yang berlaku ketika mulanya Pandemik COVID-19 melanda Malaysia, sewajarnya isu mengenai kesihatan dan ekonomi menghiasi dada-dada akhbar utama. Kajian ini telah mendapati, untuk berita yang bertemakan ekonomi, hanya 31 artikel yang disiarkan di akhbar Berita Harian dan Harian Metro. Tema-tema utama untuk isu tersebut berkisar mengenai tanggungjawab kerajaan dalam memastikan bekalan barangan asas mencukupi. Selain itu tema-tema utama yang berkisar mengenai peranan kerajaan dalam meransang ekonomi dengan memperkenalkan bantuan-bantuan umum dan khas untuk rakyat serta penerangan mengenai prosedur sektor ekonomi untuk beroperasi juga menjadi keutamaan untuk disiarkan di akhbar-akhbar utama Bahasa Malaysia. Secara kesimpulan, nada yang ingin disampaikan oleh kedua-dua akhbar ini adalah bersifat positif yang memperlihatkan usaha kerajaan dalam memberi penerangan kepada rakyat mengenai perubahan norma kehidupan di samping memperkenalkan bantuan-bantuan yang akan diberikan oleh kerajaan disebabkan berlakunya Pandemik COVID-19 ini.

RUJUKAN

- Arafat, S. Y., Kar, S. K., Menon, V., Kaliamoorthy, C., Mukhrejee, S., Alradie-Mohamed, A., . . . Kabir, R. (2020, July 16). Panic Buying: An Insight from the Content Analyssis of Media Reports During COVID_19 Pandemic. *Neurology, Psychiatry and Brain Research*, 37, 100-103.
- Aslam, F., Awan, T. M., Syed, J. H., Kashif, A., & Parveen, M. (2020). Sentiments and Emotions Evoked by News Headlines of Coronovirus Disease (COVID-19) Outbreak. *Humanities & Social Sciences Communications*, 7(23), 1-9.

- Brennen, J. S., Felix M. Simon, P. N., & Nielsen, R. K. (2020). *Types, Sources, and Claims of COVID_19 Misinformation*. Oxford: Reuters Institute for the Study of Journalism.
- Buckman, S. R., Shapiro, A. H., Sudhof, M., & Wilson, D. J. (2020, April 6). News Sentiment in the Time of COVID-19. *Research from Federal Reserve Bank of San Francisco*, pp. 1-5.
- Islam, M. S., Sarkar, T., Khan, S. H., Kamal, A.-H. M., Hasan, S. M., Kabir, A., . . . Seale, H. (2020). COVID-19-Related Infodemic and Its Impact on Public Health: A Global Social Media Analysis. *American Journal of Tropical Medicine and Hygiene*, 1621.
- Joharry, S. A., & Turiman, S. (2020, August). Examining malaysian Public Letters to Editor on COVID-19 Pandemic: A Corpus-assisted Discourse Analysis. *Journal of Language Studies*, 20(3), 2420260.
- Jurkowitz, M. (2020, April 1). Cable TV and COVID-19: How Americans Perceive the Outbreak and View Media Coverage Differ by Main News Source. *Journalism & Media*, 1-8.
- Majlis Keselamatan Negara. (2020, March 18). Soalan Lazim (FAQ's) - Bil. 1 (Dikemaskini) 18-31 Mac 2020. Putrajaya, Putrajaya, Malaysia: Majlis Keselamatan Negara.
- NSTP. (2020, October 27). NSTP. Retrieved from Products: <https://www.nstp.com.my/harian-metro-2/>
- Prima, M. (2020, October 27). NSTP. Retrieved from Media Prima: https://www.mediaprima.com.my/?page_id=228
- Zheng, Y., Goh, E., & Wen, J. (2020). The Effects of Misleading Media Reports ABOUT COVID-19 on CHinese Tourists' Mental Health: A Perspectie Article. *Anatolia*, 31(2), 337-340.